

# Buletin



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

e-ISSN: 2600-8289

Zulhijjah 1445H/ Jun 2024

# ACIS

## HIKMAH DAN FALSAFAH SERTA PERBAHASAN HUKUM BERKENAAN IBADAH HAJI

Panduan Ringkas Hukum Hakam Ibadat Korban 6  
Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam 7  
Kematian yang dicemburui 9

eISSN 2600-8289



9 772 600 828 001

# Bermazhab dan Bertaklid dalam Islam

Oleh:

**Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Manaf**

Penulis Penghubung & Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah

**Dr. Mohd Kamel bin Mat Salleh**

Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban

## Definisi Mazhab

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, perkataan 'mazhab' secara etimologinya berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *zahaba*, *yazhabu* dan *zahaban* yang bermaksud 'jalan atau iktikad terhadap sesuatu pegangan' (2006). Kamus Al-Miftah mendefinisikan mazhab sebagai 'fahaman, ideologi, doktrin dan ajaran' (2008). Kamus Lisan al-Arab (2000) pula menjelaskan maksud mazhab sebagai 'jalan, pegangan dan ajaran'. Menurut Wahbah al-Zuhaili (1989), definisi mazhab secara terminologinya pula difahami sebagai 'metod yang menyediakan garis panduan dalam memahami sesuatu hukum'. Ibrahim al-Bajuri (1990) pula mendefinisikannya sebagai 'pendapat imam mujtahid muktabar berkaitan dengan sesuatu hukum'. Ibrahim (1991) menyatakan bahawa mazhab itu ialah 'panduan dalam memahami hasil ijtihad seseorang mujtahid berkaitan dengan hukum-hakam yang difahami melalui konteks al-Quran dan al-Sunnah'. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2016), mazhab ialah 'cabang ajaran Islam yang diikuti oleh umat Islam dalam ilmu Fiqah iaitu Mazhab Syafii, Hanafi, Hanbali dan Maliki'.

## Definisi Taklid

Merujuk Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, perkataan 'taklid' secara etimologinya berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu *qallada*, *yuqallidu*, *taqlidan* yang bermaksud 'pegangan terhadap pendapat ahli hukum yang muktabar' (2006). Kamus Al-Miftah mendefinisikan taklid sebagai 'mengikuti dan meniru' (2008). Kamus Lisan al-Arab (2000) menjelaskan maksud taklid dengan makna 'memakai rantai leher pada tengkuk'. Daripada sudut terminologinya pula, taklid diertikan sebagai 'menerima pendapat orang lain, walaupun tanpa dikemukakan dengan sebarang hujah' (Koto, 2004). Ini berdasarkan pengertiannya menurut majoriti ulama Usul Fiqah iaitu 'menerima atau mengikuti perkataan orang lain, walaupun tanpa dijelaskan dengan sebarang hujah' (Ibn Amir, 1316H).

Ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan al-Ghazali (1356H) dan al-Jawziyyah (T.th) yang menjelaskan maksud taklid sebagai 'mengambil pendapat orang lain, walaupun tanpa mengetahui alasan yang mengukuhkan pandangan tersebut'. Al-Amidi (1347H) dan Ibn Nizam al-Din al-Laknawi (1365H) menyatakan taklid itu ialah 'mengamalkan pendapat orang lain tanpa hujah atau dalil yang mengikatnya'. 'Orang' yang

## Peringkat Orang-orang Mukallaf

Orang-orang yang mukallaf atau mereka yang telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan perintah-perintah syarak, terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat pertama ialah mereka yang bergelar 'mujtahid' iaitu mereka yang mempunyai kelayakan berijtihad. Kedua ialah mereka yang tidak sampai kepada peringkat mujtahid kerana tidak mempunyai kelayakan yang membolehkan mereka untuk berijtihad. Namun, mereka memahami dalil-dalil dan kedudukan dalil tersebut. Ketiga ialah orang-orang yang muqallid atau yang menjadi pengikut semata-mata. Golongan ini memerlukan panduan daripada badan-badan berautoriti agama melalui pakar-pakar bidang terhadap sesuatu permasalahan hukum-hakam agama (Abdul Rahman & Myiddin, 2012).

## Hukum Bertaklid dan Bermazhab

Ulama mempunyai tiga pendapat tentang keharusan bertaklid dalam masalah furuk. Pertama, berdasarkan pendapat Zahiriyah dan Muktazilah menyatakan bahawa tidak harus sama sekali untuk bertaklid. Bahkan, mereka mewajibkan setiap mukallaf itu berijtihad dan mempelajari segala ilmu yang diperlukan untuk berijtihad (Al-Amidi, 1347H). Kedua, merujuk kepada pendapat golongan al-Hashawiyah dan al-Taklimiyah yang menyatakan kewajiban untuk bertaklid selepas zaman imam-imam mujtahidin muktabar seperti Imam Abu Hanifah, Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad dan lain-lain lagi (Al-Ghazali, 1356H). Ketiga, taklid hanyalah diharuskan kepada mereka yang tidak mampu berijtihad sahaja (Zaidan, 1984).

## Adakah Masyarakat Awam di Malaysia Wajib Bertaklid?

Masyarakat awam dalam konteks perbahasan ini merujuk kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan dan kelayakan untuk menetapkan sebarang hukum syarak. Ini juga termasuk dalam kalangan mereka yang pakar bidang, namun masih belum sampai kepada taraf 'muftahid' (Ahmad al-Saqqaf, t.th). Tidak semua orang mampu memahami dalil-dalil atau teks-teks agama dengan teliti kerana masing-masing mempunyai kekangan dalam memahami sesuatu nas. Hanya mereka yang benar-benar berkelayakan dan bertaraf muftahid yang mampu menggali hukum daripada sumber aslinya.

Bagi mereka yang belum memiliki kriteria 'muftahid', Allah S.W.T. memerintahkan mereka untuk merujuk kepada pakar-pakar bidang muktabar dan mengikuti mereka dalam kerangka untuk bermazhab yang difahami sebagai bertaklid kepada imam-imam mazhab Fiqah muktabar. Bermazhab ialah alternatif bagi masyarakat awam yang tidak mampu memahami dalil dengan sempurna dan mereka yang masih belum memenuhi kriteria sebagai muftahid. Dalam konteks masyarakat awam di Malaysia, berdasarkan pandangan yang muktamad dalam kalangan ulama *usul al-muhaqqiqin*, mereka wajib untuk bertaklid berdasarkan dua faktor berikut.

Pertama, sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam surah al-Anbiya', ayat 7 yang bermaksud, 'Rujuklah kepada mereka yang 'pakar bidang', jika kamu tidak mengetahui.' Kedua, masyarakat awam pada zaman Sahabat Nabi S.A.W., Tabiin dan Tabi Tabiin sering mengajukan pertanyaan hukum serta fatwa daripada pakar-pakar bidang atau ulama yang bertaraf muftahidin dalam kalangan mereka, untuk mengamalkannya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum syarak. Para ulama ketika itu segera memberikan jawapan tanpa menyebutkan dalil. Ini sekaligus mencerminkan ijmak yang dilakukan dalam kalangan mereka menunjukkan keharusan masyarakat awam untuk berpegang kepada pendapat muftahid, sama ada dalilnya disebut atau pun tidak.

## Kesimpulan

Perlu atau tidak untuk bertaklid dengan Mazhab Syafii atau mana-mana mazhab muktabar yang lain seperti Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali bergantung kepada keadaan seseorang dan konteks pengamalan Fiqah di Negeri Sembilan ini. Oleh kerana kriteria dan kelayakan sebagai muftahid di Negeri Sembilan tidak ditemui dengan syarat yang paling sempurna, di samping memastikan masyarakat awam mengamalkan agama dengan kefahaman yang benar dan tersusun tanpa sebarang polemik dan isu, maka bertaklid dengan mazhab merupakan langkah terbaik dan tepat.

Dewasa ini, banyak pandangan yang dikemukakan oleh golongan agamawan melalui penulisan, ceramah dan sebagainya. Bagi memastikan sesuatu isu tidak menimbulkan polemik, kontroversi dan mengelakkan diri daripada perpecahan, bertaklid dengan mazhab muktabar merupakan langkah yang tepat dan terbaik bagi memastikan masyarakat awam mengamalkan agama dengan kefahaman yang benar dan tersusun.

Ini selari dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan (MJFNS) Bil. 2/2016-1437 Hijrah yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadil Awwal 1437 Hijrah telah bersetuju untuk menerima pegangan bermazhab dengan Mazhab Syafii dan meraikan Mazhab Hanafi, Mazhab Maliki dan Mazhab Hanbali sebagai sebahagian tafsiran pegangan dan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Sembilan. Bahkan, dalam Muzakarah Jawatankuasa

Fatwa Negeri Sembilan yang bersidang pada 17 Disember 2014, 25 Februari 2015 dan 24 Mac 2015 menetapkan sebahagian ciri-ciri Aliran dan Dakwah Wahhabiah yang didapati bercanggah dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah menolak fahaman bermazhab.

Justeru, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan melarang mana-mana orang atau kumpulan untuk menolak amalan bermazhab. Bahkan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan melarang mana-mana orang atau kumpulan untuk menegah dan pengajaran bermazhab ini di Negeri Sembilan. Ini bersesuaian dengan keputusan-keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan sebelum ini, yang mempunyai kedudukan sebagai badan berautoriti tertinggi agama untuk mengeluarkan fatwa dan pandangan hukum dalam negeri ini dan ianya selari dengan peruntukan undang-undang dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003.

## Rujukan

- Ab. Ghani, M. N., Tajuid, M. F., Zainuddin, S., Khasim, N., Abdull Raffar, R., Abu Bakar, Y., (2016). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman, M. S. (2012). Ensiklopedia Bidaah. Selangor; PSN Publications Sdn. Bhd.
- Ahmad al-Saqqaf, S. A. (T.th). Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah. Kaherah; Maktabah Mustafa al-Halabi.
- Al-Amidi. I. H. (1347H). Al-Ihkam fi Usul al-Ahkam. Kaherah; Matba'ah Syubayh.
- Al-Bajuri, I. (1990). Hashiah al-Bajuri 'ala Abi Qasim al-Ghazi. Semarang; Taha Putra.
- Al-Ghazali. (1356H). Al-Mustasfa. Kaherah; Bulaq.
- Al-Jawziyyah, I. Q. (T.th). I'lam al-Muwaqqi'in. Beirut; Dar al-Fikr.
- Al-Laknawi, I. N. (1365H). Fawatih al-Rahmah bi Syarh Musallam al-Thubut. Kaherah; Bulaq.
- Ibn Amir. (1316H). Al-Taqrir wa al-Tahbir. Kaherah; Bulaq.
- Ibn Manzur, J. M. (2000). Lisan al-'Arab. Beirut; Dar al-Fikr.
- Ibrahim, M. (1991). Pengantar Fiqh Muqaran. Jakarta; Erlangga.
- Khalid, U., Hamzah, S., Awang Mat Dahan, H. B., al-Muhammadi, A. H., Mohd. Nor, B. M., Mohd., A. H., & Mohd. Ali, M. H. (2006). Kamus Besar Arab-Melayu Dewan. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koto, A., (2004). Ilmu Fiqh dan Ushul Fiqh. Jakarta; PT Raja Grafindo Persada.
- Zainuddin, M. K., Zainuddin, M. N. & Mohd Isa, M. F. (2008). Al-Miftah. Negeri Sembilan; Al-Azhar Media.
- Zaidan, A. K. (1984). Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh. Beirut; Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, W. (1989). Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu. Beirut; Dar al-Fikr.
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/11023>
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15855>